



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**CABARAN DALAM PROSES PERKEMBANGAN INDUSTRI
KRAFTANGAN DI NEGERI SABAH**

Noor Faeza Binti Nurazam

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan seni)
2014

TAJUK

**CABARAN DALAM PROSES PERKEMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN DI
NEGERI SABAH**

NAMA

NOOR FAEZA BINTI NURAZAM

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Pengurusan seni

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(2014)

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the**18**.....day of.....**June**...2014.

Student's Declaration:

I **NOOR FAEZA BINTI NURAZAM, 31658, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE**
---- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare
that the work entitled ---**CABARAN DALAM PROSES PERKEMBANGAN INDUSTRI**-----
KRAFTANGAN DI NEGERI SABAH-----

----- is my original work. I have not copied from any other students' work or from any
other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor
has any part been written for me by another person.

18 June 2014

Date submitted

NOOR FAEZA BINTI NURAZAM (31658)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **Dr. Qistina Donna Lee Abdullah**----- (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the
work entitled----- **CABARAN DALAM PROSES PERKEMBANGAN INDUSTRI KRAFTANGAN**-----
DI NEGERI SABAH-----

----- was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a *
partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS**
(ARTS MANAGEMENT)-----

(PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge,
is the said student's work.

Received for examination by: **Dr. Qistina Donna Lee Abdullah** Date: **18 June 2014**

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____

(18 June 2014)

Supervisor signature: _____

(18 June 2014)

Current Address:

KAMPUNG SIKUATI P.O.BOX 305, 89058 KUDAT SABAH.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk ‘**Cabaran Dalam Proses Perkembangan Industri Kraftangan Di Negeri Sabah**’ telah disediakan oleh **NOOR FAEZA BINTI NURAZAM** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh

.....

Dr. Qistina Donna Lee Abdullah

Pensyarah

Tarikh:18 Jun 2014.....

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam disertasi ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi lain.

.....
NOOR FAEZA BINTI NURAZAM

No. Matrik: 31658

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya bersyukur kehadiran Ilahi, kerana berkat dan limpahNya yang diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Tanpa kurniaNya saya tidak akan mungkin dapat melaksanakan penyelidikan ini dengan sempurna.

Dengan kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Encik Nurazam Bin Juddah dan Puan Ribut Binti Dukimin atas sokongan yang telah mereka berikan dan doa yang mereka panjatkan kepada Ilahi sepanjang penyelidikan dan pengajian saya di UNIMAS. Kepada adik-beradik saya serta ahli keluarga terutama Encik Ismail Tukimin dan Puan Nurazlin Abdullah sekeluarga, dan tidak lupa juga kepada para sahabat sekalung penghargaan buat kalian di atas sokongan kalian.

Tidak lupa juga, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya Dr. Qistina Donna Lee Abdullah atas segala tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan sangat berharga buat saya dan tidak akan dilupakan.

Seterusnya, setinggi penghargaan juga ingin saya kalungkan kepada setiap responden yang terlibat terutamanya Encik Jaini Lakat dan Puan Jusiliah Suti. Tanpa kerjasama daripada semua saya tidak akan dapat memperolehi sumber maklumat yang berguna untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Di Sabah, industri kraftangan kian membangun seiring dengan Dasar Hala Tuju Negeri. Industri kraftangan bukan saja berpotensi menjana pendapatan negeri tetapi berupaya meningkatkan ekonomi masyarakat. Tren terkini adalah seperti kemasukan barangan luar negara serta sikap pembeli memberi ancaman kepada industri tersebut. Metodologi kajian ialah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Di akhir penyelidikan cadangan dan kaedah dapat dikemukakan untuk mengatasi kemasukkan barangan kraftangan luar negara dan membantu perkembangan industri melalui pemantapan sokongan masyarakat dalam memupuk sikap membeli barangan kraftangan tempatan.

ABSTRACT

In Sabah, the handicraft industry has been increasingly developed in conjunction with the policy of the State. Handicraft industry is not only a high potential state's income generator, but it enables able the community to generate their source of income as well. Currently, the latest trend is the entry of foreign products to Malaysia and the attitude of buyers that become a threat to the industry. The research methodology is by quantitative and qualitative methods. At the end of the research, there are recommendations and suggested methods that may help to overcome the incoming of the foreign handicrafts. Hence, this will help the development of the industry through effective strategies that promotes the local community to buy and support our own local handicrafts.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
<i>ABSTRACT</i>	viii
ISI KANDUNGAN	ix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan atau latar belakang kajian	1
1.1 Definisi Istilah	2
1.2 Objektif Kajian	4
1.3 Skop Kajian	4
1.4 Permasalahan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Sorotan Kesusasteraan	8
1.8 Metodologi Kajian	9
1.9 Kesimpulan	10

BAB 2 SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan	11
2.1 Kandungan Kajian	11
2.2 Industri Kraftangan	
2..1 Pengurusan Strategik	12
2.2.2 Pemasaran	13
2.2.3 Promosi	15
2.2.4 Cabaran Industri	16
2.2.5 Permintaan	17
2.2.6 Pembekal	18
2.2.7 Industri Budaya dan Kreatif	19
2.3 Masyarakat	
2.3.1 Pembeli	20
2.3.2 Tabiat Pembeli	21
2.3.3 Faktor Pembelian	21
2.3.4 Barangan Buatan Tempatan	22
2.4 Pengurusan risiko	22
2.5 Perkembangan Ekonomi	
2.5.1 Perkembangan industri	23
2.6 Kesimpulan	25

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	26
3.1 Lokasi Kajian	27
3.2 Sumber Data	28
3.3 Data Primer	30
3.3.1 Kuantitatif	30
3.3.2 Kualitatif	31
3.4 Data Sekunder	32
3.5 Populasi	32
3.6 Persampelan	33
3.7 Instrumen Kajian	34
3.8 Limitasi Kajian	35
3.9 Kesimpulan	36

BAB 4 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	37
4.1 Analisa temuramah	37
4.1.1 Analisa temuramah bersama responden	37
4.3 Analisa soal selidik	42
4.4 Kesimpulan	64

BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	66
5.1 Perbincangan	66
5.1.1 faktor kemasukan barangan kraftangan luar	66
5.1.2 langkah mengatasi lambakan kraftangan luar	69
5.1.3 sokongan masyarakat	70
5.2 Rumusan	75
5.3 Cadangan	76
5.4 Kesimpulan	82
RUJUKAN	83
LAMPIRAN	85

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 4.1	Peratus berdasarkan jantina responden	44
Rajah 4.2	Responden berdasarkan bangsa	45
Rajah 4.3	Jumlah kekerap membeli produk kraftangan dalam setahun	46
Rajah 4.4	Faktor yang mempengaruhi tabiat pembelian ketika responden membeli produk kraftangan	47
Rajah 4.5	Pengetahuan mengenai isu kemasukan lambakan barangan kraftangan dari negara luar	48
Rajah 4.6	Medium penyebaran maklumat	49
Rajah 4.7	Pandangan mengenai isu kemasukan barangan produk kraftangan luar ke dalam industri kraftangan tempatan	50
Rajah 4.8	Kemasukan kraftangan dari negara luar memberikan kesan negatif kepada industri kraftangan tempatan	51
Rajah 4.9	Pembelian produk kraftangan luar menyokong kemasukan produk kraftangan dari negara luar ke dalam industri tempatan	52
Rajah 4.10	Ciri-ciri produk kraftangan tempatan mudah dibezakan dengan produk tiruan yang dibawa masuk daripada negara luar	54
Rajah 4.11	Produk kraftangan tempatan lebih berkualiti berbanding dengan produk kraftangan dari luar	55
Rajah 4.12	Masyarakat seharusnya membeli produk kraftangan tempatan walaupun dijual dengan harga yang tinggi dengan nilai kualiti yang tinggi	56
Rajah 4.13	Masyarakat lebih gemar membeli produk kraftangan dari negara luar	58

Rajah 4.14	Faktor harga yang lebih murah penyebab pembeli memilih untuk membeli produk kraftangan luar	59
Rajah 4.15	Usaha-usaha yang lebih ketat harus diambil bagi menghalang kemasukkan produk kraftangan tiruan dari negara luar	60
Rajah 4.16	Keberhasilan dalam memupuk sikap membeli barangan buatan tempatan di kalangan masyarakat tempatan	61
Rajah 4.17	Cadangan bagi langkah mengatasi cabaran dalam industri kraftangan di negeri Sabah	62

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian	14
Jadual 4.1	Peratus berdasarkan jantina responden	44
Jadual 4.2	Responden berdasarkan bangsa	45
Jadual 4.3	Jumlah kekerap membeli produk kraftangan dalam setahun	46
Jadual 4.4	Faktor yang mempengaruhi tabiat pembelian ketika responden membeli produk kraftangan	47
Jadual 4.5	Pengetahuan mengenai isu kemasukan lambakan barangan kraftangan dari negara luar	48
Jadual 4.6	Medium penyebaran maklumat	49
Jadual 4.7	Pandangan mengenai isu kemasukan barangan produk kraftangan luar ke dalam industri kraftangan tempatan	50
Jadual 4.8	Kemasukan kraftangan dari negara luar memberikan kesan negatif kepada industri kraftangan tempatan	51
Jadual 4.9	Pembelian produk kraftangan luar menyokong kemasukan produk kraftangan dari negara luar ke dalam industri tempatan	52
Jadual 4.10	Ciri-ciri produk kraftangan tempatan mudah dibezakan dengan produk tiruan yang dibawa masuk daripada negara luar	54
Jadual 4.11	Produk kraftangan tempatan lebih berkualiti berbanding dengan produk kraftangan dari luar	55
Jadual 4.12	Masyarakat seharusnya membeli produk kraftangan tempatan walaupun dijual dengan harga yang tinggi dengan nilai kualiti yang tinggi	56

Jadual 4.13	Masyarakat lebih gemar membeli produk kraftangan dari negara luar	58
Jadual 4.14	Faktor harga yang lebih murah penyebab pembeli memilih untuk membeli produk kraftangan luar	59
Jadual 4.15	Usaha-usaha yang lebih ketat harus diambil bagi menghalang kemasukkan produk kraftangan tiruan dari negara luar	60
Jadual 4.16	Keberhasilan dalam memupuk sikap membeli barangan buatan tempatan di kalangan masyarakat tempatan	61
Jadual 4.17	Cadangan bagi langkah mengatasi cabaran dalam industri kraftangan di negeri Sabah	62

SENARAI SIMBOL

SIMBOL

MAKSUD

%	Peratus
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
PPF	Frontier Kemungkinan Pengeluaran
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKKM	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan atau Latar Belakang Kajian

Negeri Sabah merupakan negeri kedua terbesar di dalam Malaysia yang terletak di utara Kepulauan Borneo dan mendapat gelaran Negeri di bawah bayu. Sabah memiliki kelebihan dari pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Negeri ini tidak sahaja kaya dengan keindahan semulajadi malah kaya dengan kebudayaan dan kesenian masyarakatnya.

Kewujudan masyarakat majmuk membolehkan kita menikmati keunikan dan keindahan yang terdapat di Sabah. Walaupun Sabah kaya dengan kesenian dan kebudayaan terdapat juga perbezaan yang ketara antara satu sama lain. Kewujudan pelbagai masyarakat majmuk tersebut membolehkan Sabah menjadi salah sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian kraftangan.

Kraftangan ialah kerja penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja. Pertukangan kraftangan seharusnya dikerjakan secara perseorangan atau kecil-kecilan. Hasil kraftangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan atau keagamaan. Hasil pengeluaran besar-besaran atau hasil kejenteraan bukan bersifat kraftangan.

Fungsi kraftangan yang di miliki masyarakat asli di Sabah asalnya bertujuan untuk melindungi atau berteduh dan mencari makanan dengan cara yang terbaik. Mereka menghasilkan pelbagai jenis barangan tetapi lebih menumpukan kepada fungsi barang tersebut tidak kepada perhiasan. Benda-benda yang di hasilkan meliputi kelengkapan rumah, alat buruan, alat pertanian dan upacara ritual atau keagamaan. Penghasilan kraf tangan mereka bergantung kepada sumber alam semulajadi dan keperluan dari budaya mereka.

Kraftangan yang dihasilkan oleh penduduk dari berbagai-bagai budaya mempunyai jenis-jenis yang luas dan pelbagai. Sebagai contoh, penduduk pesisiran pantai yang penghidupannya bergantung pada laut telah menghasilkan alat yang berbeza dari penduduk pedalaman yang masih mengamalkan penanaman padi huma atau padi sawah dan memburu serta menangkap ikan sungai. Perbezaan juga wujud di antara kebudayaan kebendaan penduduk yang mengusahakan padi sawah dan padi huma. Perbezaan bukan sahaja terdapat pada alat-alat 'utilitarian' tetapi juga benda-benda ritual, alat-alat muzik dan ciri-ciri kebudayaan kebendaan yang lain.

Keadaan bahan-bahan tempatan juga mempengaruhi jenis kraftangan yang dihasilkan. Di daerah Tambunan, sebagai contoh penggunaan buluh untuk membuat perkakas rumah, bakul, rumah (termasuk atap) dan pagar sangat luas di kalangan masyarakat Dusun/Kadazan Tambunan. Labu pahit yang terdapat di tambunan telah menjadikan daerah ini sebagai pusat pengeluaran sompoton, sejenis organ mulut yang diperdagangkan di kalangan suku kaum dusun, walaupun ia juga ada dihasilkan di tempat-tempat lain.

Antara bahan kraftangan yang sering digunakan adalah rotan. Rotan merupakan satu lagi bahan yang tahan digunakan dengan luasnya untuk membuat terendak, bakul, hiasan dinding dan juga pengikat kayu atau buluh. Selain itu, bahan untuk membuat pakaian tradisional juga diperolehi daripada tumbuhan tempatan, termasuklah kulit kayu, kapas atau gentian tumbuhan daripada nenas, pisang atau kelapa.

Di Sabah industri kraftangan kian membangunkan seiring dengan Dasar Hala tuju Negeri yang memfokuskan sektor pelancongan, pertanian dan pembuatan. Industri kraftangan bukan sahaja berpotensi menjana pendapatan negeri tetapi juga berupaya meningkatkan ekonomi rakyat. Kepelbagaian produk kraftangan mampu menarik lebih ramai pelancong untuk datang berkunjung ke negeri Sabah.

Namun di dalam proses perkembangan tersebut terdapat pelbagai cabaran yang wujud dan mampu untuk menggugat kejayaan industri tersebut. Kemasukan barangan kraftangan dari negara luar menjadi salah satu cabaran utama bagi industri ini. Persaingan yang wujud diantara produk-produk ini serba sedikit menjejaskan prestasi penjualan produk kraftangan tempatan. Selain itu sikap masyarakat, pembeli dan penjual juga menjadi faktor isu ini semakin membimbangkan.

1.1 DEFINISI ISTILAH PERMASALAHAN, PROSES, PERKEMBANGAN, INDUSTRI, KRAFTANGAN.

1.1.1 Permasalahan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1998) Edisi Ketiga, masalah merupakan sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran atau kesulitan. Permasalahan pula membawa maksud sesuatu atau segala-gala yang menjadi masalah dan persoalan.

1.1.2 Proses

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1998) Edisi Ketiga proses merupakan perubahan-perubahan atau peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam perkembangan atau perjalanan sesuatu.

1.1.3 Perkembangan

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1998) Edisi Ketiga perkembangan merupakan sesuatu perihal (proses dan sebagainya) berkembang (menjadi maju atau tersebar, membiak, meluas dan sebagainya), pertumbuhan dan kemajuan.

1.1.4 Industri

Menurut penulisan Padhi P. K. di dalam buku *Buruh Dan Undang-Undang Perindustrian* (2012), bahagian pertama industri definisi merujuk kepada lima aktiviti, iaitu, perniagaan, perdagangan, aku janji, pengeluar atau panggilan. Ungkapan perniagaan adalah lebih luas daripada perdagangan. *Urus Niaga* bermaksud sebagai perusahaan yang merupakan satu pekerjaan yang berbeza daripada kesenangan.

Perdagangan dalam konteks ini dalam erti kata utamanya adalah bermakna pertukaran barangan bagi barangan atau barangan untuk wang dan makna sekunder berkenaan mana-mana perniagaan yang dijalankan dengan tujuan untuk membuat keuntungan, sama ada manual, atau bersifat perdagangan, yang dibezakan daripada seni liberal atau profesion pembelajaran.

Perkataan *akujanji* dalam konteks definisi bermaksud mana-mana perniagaan, apa-apa kerja atau projek yang mana terlibat di dalam atau percubaan sebagai perusahaan seakan perniagaan atau perdagangan. *Panggilan* menandakan yang berikut merupakan profesion atau perdagangan.

1.1.5 Kraftangan

Menurut perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979, kraftangan di definisikan sebagai "Keluaran Kraftangan" yang ertinya apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil dari sesuatu proses

yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan dan termasuklah apa-apa keluaran.

Menurut Kamus Dewan Bahasa (1998) Edisi Ketiga, perkataan kraf membawa maksud ‘perusahaan (kerja, seni) yang memerlukan kemahiran terutamanya menggunakan tangan’, manakala kraftangan pula membawa makna ‘perusahaan (kerja, seni) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan’.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai objektifnya yang tersendiri. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan ini. Objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji faktor lambakan kemasukan barangan kraftangan dari negara luar ke dalam industri pasaran tempatan di negeri Sabah. Ini bertujuan untuk mengetahui faktor utama yang mendorong kemasukkan barangan kraftangan luar tersebut.

Objektif yang kedua adalah untuk mengenalpasti langkah bagi mengatasi lambakan barangan kraftangan dari luar yang mengancam perkembangan industri kraftangan tempatan. Apabila faktor yang mencetuskan isu ini dapat dikenalpasti, cadangan bagi langkah membendung isu ini akan dapat diketengahkan. Proses dalam mengenalpasti langkah bagi mengatasi isu ini amat penting untuk dilaksanakan bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi cabaran utama yang di hadapai oleh industri kraftangan di negeri ini.

Selain itu, kajian ini dijalankan juga bertujuan untuk menganalisis langkah bagi membantu perkembangan industri kraftangan tempatan melalui sokongan masyarakat dalam memupuk sikap membeli barangan buatan tempatan. Ini bertujuan untuk mengkaji langkah bagi menggalakkan masyarakat dan penggemar kraftangan untuk terus menyokong industri kraftangan tempatan dengan mengamalkan sikap membeli produk kraftangan tempatan yang dipasarkan di dalam pasaran tempatan.

1.3 SKOP KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, skop kajian ditumpukan kepada tajuk utama kajian iaitu penyelidikan yang berkaitan dengan cabaran dalam proses perkembangan industri kraftangan di negeri Sabah. Terlebih dahulu kajian ini akan meliputi dan tertumpu kepada kajian untuk mengkaji ciri-ciri industri kraftangan tempatan di Sabah yang merangkumi konsep dan imej bagi industri tersebut.

Bagi membantu penyelidikan yang dijalankan bersesuaian dengan aspek yang akan dikaji di dalam penyelidikan ini, pengkaji akan menjalankan kajian di Sabah khasnya. Kajian ini bertujuan bagi mendapatkan pelbagai maklumat sebagai bahan bukti kepada aspek yang dikaji. Lokasi kajian yang telah di ditetapkan oleh pengkaji adalah di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sabah dan Pasar kraftangan Kota Kinabalu Sabah. Pengkaji juga akan membuat pemerhatian kajian secara umumnya di lokasi seperti pasar-pasar kraftangan yang terdapat di sekitar negeri Sabah.

Kajian dijalankan di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sabah bagi mengumpul maklumat mengenai industri kraftangan di Sabah. Pusat ini terletak di Blok A, Lot 1&2, Lorong Buah Salak, Hiong Tiong Industrial Centre, KM 11.2, Jalan Tuaran Inanam, Kota Kinabalu, Sabah yang berfungsi sebagai sebagai agensi peneraju kraf di negeri ini. Pengkaji juga akan menjalankan kajian di Pasar kraftangan Kota Kinabalu yang merupakan pusat utama penjualan hasil kraftangan Sabah. Pasar ini terletak di Jalan Tuan Fuad Stephen di Kota Kinabalu. Kajian dijalankan di lokasi ini bertujuan untuk mengumpul informasi dan maklumat mengenai aktiviti penjualan di dalam industri tersebut.

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kajian ini, permasalahan yang dikenalpasti di dalam proses perkembangan industri kraftangan di negeri Sabah adalah kemasukan dan lambakan barangan luar serta sikap pembeli yang memberikan ancaman kepada industri kraftangan di Sabah.

Menurut Pengerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Datuk Sohaimi Shahadan menerusi akhbar Utusan Malaysia, kemasukan dan lambakan barangan kraftangan dari negara luar merupakan salah satu faktor yang menjadi pembunuh kepada industri kraftangan di Malaysia.

Hal ini kerana, barangan kraftangan yang dibawa dari luar negara seakan sama dengan kraftangan keluaran tempatan. Sebagai contoh, produk dari negara Indonesia adalah salah satu produk yang hampir sama dengan barangan kraftangan keluaran tempatan. Selain daripada itu, saban hari kemasukkan barangan dari negara luar semakin bertambah dan dijual dengan harga yang lebih murah daripada produk asli kraftangan tempatan.

Oleh kerana faktor tersebut industri kraftangan tempatan mengalami masalah. Apabila berlaku isu kemasukkan barangan daripada negara luar peniaga kraftangan

tempatan juga turut memanipulasikan peluang tersebut dengan mengakui bahawa produk luar tersebut adalah produk buatan asli tempatan dan menjual produk tersebut di dalam pasaran tempatan.

Selain daripada itu menurut Datuk Sohaimi Shahadan, sikap masyarakat yang kurang ambil peduli tentang produk buatan tempatan juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh industri kraftangan di negeri ini. Penduduk tempatan lebih cenderung untuk membeli produk kraftangan yang dibawa daripada luar.

Hal ini kerana produk kraftangan yang dibawa daripada luar dijual dengan harga yang lebih rendah berbanding dengan produk kraftangan tempatan. Selain itu ciri-ciri produk yang ditawarkan pada produk kraftangan luar lebih menarik berbanding produk kraftangan tempatan.

Jadual 1.1: Permasalahan kajian, persoalan kajian dan objektif kajian

BIL	Permasalahan Kajian	Persoalan Kajian	Objektif Kajian
1	Kemasukan dan lambakan barangan luar memberikan ancaman kepada industri kraftangan di Sabah.	1(i) Apakah faktor yang menyebabkan barangan kraftangan luar dapat memasuki pasaran tempatan? 1. (ii) Bagaimanakah langkah mengatasi kemasukkan lambakan barangan kraftangan luar yang mengancam perkembangan industri kraftangan tempatan?	1. (i) Mengkaji faktor kemasukan barangan kraftangan luar ke dalam pasaran tempatan. (ii) Mengenalpasti langkah mengatasi lambakan barangan kraftangan luar yang mengancam perkembangan industri kraftangan tempatan.
2	Sikap masyarakat yang kurang ambil peduli tentang produk buatan tempatan.	2. (i) Mengapakah kurang sokongan daripada penduduk tempatan dalam membeli barangan tempatan?	2. (i) Menganalisis langkah bagi membantu perkembangan industri kraftangan tempatan melalui sokongan masyarakat dalam memupuk sikap membeli barangan buatan tempatan.